

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14.10.2014

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci tentang rancangan penstrukturan semula Syarikat Penerbangan MAS. Apakah penstrukturan semula ini akan menjejaskan penerbangan di kawasan luar bandar yang kini dikendalikan oleh MAS Wing yang kurang menguntungkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 8 Oktober saya telah

menjelaskan dengan panjang lebar mengenai pelan penstrukturan semula MAS. Oleh itu, strategi bagi MAS Wings akan dipertimbangkan dengan teliti dan akan diumumkan pada masa yang bersesuaian apabila Rancangan Perniagaan Penuh Syarikat "MAS Baru" diluluskan kelak.